



AZMAN (kanan) menerima watikah pelantikan dari Tun Juhar.



SHAFIE (kiri) menerima watikah pelantikan dari Tun Juhar.

Majlis graduasi lambang kehebatan generasi graduan

NST 25.11.2018 5

KOTA KINABALU: Majlis graduasi setelah menamatkan pengajian dianggap sebagai petanda kehebatan generasi graduan yang sekaligus menjadi cerminan masa depan negara.

Tuan Yang Terutama Sabah, Tun Juhar Mahiruddin berkata graduan masa kini adalah penerus legasi yang juga akan mencorak kepimpinan di masa akan datang.

"Generasi lama seperti kami akan pergi, tinggal anda menjadi warisan, penerus kegemilangan negeri dan negara tercinta.

"Tanggungjawab yang bakal digalas kelak perlu dipikul dengan penuh amanah kerana negara ini amat memerlukan tenaga kerja yang kreatif dan inovatif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir semasa sesi pembukaan Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia

Sabah (UMS) kali ke-20 sesi 2018 disini kelmarin.

Menurut Tun Juhar, ruang dan peluang untuk memajukan diri adalah luas dan graduan perlu berusaha untuk mencarinya tanpa perlu merendahkan diri namun mengamalkan prinsip persaingan sihat.

Katanya, aplikasi ilmu di alam pekerjaan adalah terlalu luas dan perlu diamalkan dengan sikap saling menghormati dan toleransi.

"Di luar sana tempat untuk anda mengaplikasikan ilmu yang dipelajari sepanjang masa pengajian, bukan tempat untuk anda berfoya-foya.

"Di khalayak umum, perlu wujud sifat saling hormat-menghormati dan bukan saling mencerca kerana negara ini adalah negara yang sarat dengan adab sopan," katanya lagi.

Seramai 5003 graduan bergrad-

uasi bagi Majlis Konvokesyen UMS kali ke-20 sesi 2018 yang berlangsung selama tiga hari bermula kelmarin.

Antaranya adalah pelajar ijazah kedoktoran (55 orang) ijazah sarjana (603 orang), ijazah sarjana muda (4,276 orang) dan diploma (69 orang).

Turut berlangsung upacara pemasyhuran dua Pro-Canselor baharu iaitu Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Pengurus Eksekutif Amcorp Group Berhad, Tan Sri Azman Hashim.

Penyampaian watikah telah disempurnakan oleh Tun Juhar merangkap Canselor UMS semasa sidang pertama di hadapan 793 graduan, pegawai pengurusan dan ibu bapa. **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**